

KARNIVAL PERUMAHAN MAMPU MILIK (KPMM) – EKSPLO HARTANAH DAN PERUMAHAN MALAYSIA (MAPEX)



Karnival Perumahan Mampu Milik (KPMM) – Ekspo Hartanah dan Perumahan Malaysia (MAPEX) yang berlangsung pada 11 hingga 13 Ogos 2017 di Shah Alam Convention Centre (SACC) telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Turut hadir semasa majlis ialah, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan), YB Datuk Seri FD Iskandar bin Tan Sri Dato' Mohamed Mansor (Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia [REHDA] Malaysia) dan YBhg. Datuk Haji Mohammad bin Mentek (Ketua Setiausaha, KPMM).


KPKT dan REHDA Malaysia buat julung kalinya bekerjasama menganjurkan KPMM - MAPEX selama 3 hari bermula daripada 11 hingga 13 Ogos di Pusat Konvensyen Shah Alam, Selangor.

Dengan tema 'Rumah Mampu Milik Sempurna, Rakyat Sejahtera', penganjuran KPMM-MAPEX adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada bakal pembeli dengan mengumpulkan pelbagai pilihan perumahan dengan diskaun dan promosi menarik di bawah satu bumbung. Sebanyak 50 buah pemaaju perumahan yang menyertai karnival ini, menawarkan 100,000 unit rumah mampu milik berharga di bawah RM500,000.00.



Semasa majlis, YB Tan Sri Noh memaklumkan bahawa KPKT sedang merancang untuk memperkenalkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi keperluan penduduk golongan M40. Langkah ini adalah untuk membantu golongan isi rumah berpendapatan pertengahan untuk membeli kediaman yang bukan sahaja selesa malah mampu dimiliki. Kertas kerja untuk cadangan ini sudah dibuat dan akan dibawa ke pihak kerajaan secepat mungkin.

Buat masa ini PPR hanya disasarkan kepada golongan B40 (isi rumah berpendapatan rendah) dan kerajaan menyediakan subsidi lebih daripada RM100,000.00 bagi setiap rumah PPR untuk



golongan B40 yang mana mereka hanya perlu membayar RM35,000.00 sahaja. Bagi PPR untuk golongan M40, kerajaan mungkin tidak menyediakan subsidi sama seperti untuk PPR B40. Kerajaan mungkin timbang memberikan diskaun 10 hingga 20 peratus. Ini kita sedang rancang.

Karnival yang berlangsung selama tiga (3) hari ini turut menawarkan pelbagai aktiviti menarik antaranya sesi ceramah harta tanah bersama pakar-pakar harta tanah terkenal di Malaysia, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, Pertandingan Snap & Win @ KPMM-MAPEX dan permainan interaktif. Selain itu, penganjur juga menyediakan hadiah istimewa berupa rebat tunai bernilai RM50,000 kepada para pembeli bertuah dan pelbagai hadiah cabutan bertuah untuk para pengunjung.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT